

1. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Berpuluh-puluh buah rumah di Kuala Sungai Baru mengalami _____ akibat dilanda ribut.

- ☐ A perosak
- ☐ B kerosakan
- ☐ C dirosakkan
- ☐ D merosakkan

2. Ekspedisi mendaki gunung itu diadakan untuk menguji _____ fizikal dan mental para peserta.

- ☐ A tahanan
- ☐ B ketahanan
- ☐ C penahanan
- ☐ D pertahanan

3. _____ ruang tamu rumah usahawan muda itu menyamai keluasan sebuah gelanggang badminton.

- ☐ A Meluaskan
- ☐ B Keluasan
- ☐ C Peluasan
- ☐ D Meluas

4. Isu-isu seperti itu tidak mudah diselesaikan dan _____ tentang isu tersebut hendaklah diteruskan.

- ☐ A pendebatan
- ☐ B perdebatan
- ☐ C pendebat
- ☐ D berdebat

5. Majlis _____ sumbangan ini akan bermula selewat-lewatnya pukul 9:00 pagi nanti.

- ☐ A serahan
- ☐ B diserahkan
- ☐ C penyerahan
- ☐ D menyerahkan

6. Pelbagai insentif disediakan untuk meningkatkan _____ hasil padi para petani.

- ☐ A keluaran
- ☐ B terkeluar
- ☐ C pengeluaran
- ☐ D pengeluaran

7. _____ terhadap Marissa atas kes rasuah itu digugurkan kerana pihak berkuasa _____ mempunyai bukti bahawa dia tidak bersalah.

- ☐ A Didakwa
- ☐ B Dakwaan
- ☐ C Pendakwa
- ☐ D Mendakwa

8. Segala _____ untuk majlis perkahwinan anak tunggalnya telah disiapkan sejak sebulan yang lalu.

- ☐ A bersedia
- ☐ B sediakan
- ☐ C persediaan
- ☐ D menyediakan

9. Bola _____ Amri Yahya tidak dapat dijangkau oleh penjaga gol pasukan Sarawak.

- ☐ A ditanduk
- ☐ B tandukan
- ☐ C bertanduk
- ☐ D menanduk

10. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Para peserta yang menyertai seminar itu ialah _____ perubatan tradisional.

- ☐ A amalan
- ☐ B pengamal
- ☐ C diamalkan
- ☐ D pengamalan

11. Menteri Pendidikan telah mengumumkan _____ kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Kluster.

- ☐ A terancang
- ☐ B dirancang
- ☐ C perancang
- ☐ D rancangan

12. Guru besar berasa bangga akan _____ murid-murid sekolah itu dalam peperiksaan akhir tahun yang lalu.

- ☐ A dicapai
- ☐ B capaian
- ☐ C mencapai
- ☐ D pencapaian

13. Asiah bertanya kepada pengarah itu untuk mendapatkan _____ tentang kedudukan _____ di syarikat itu.

☐ A memastikan
☐ B pemastian
☐ C dipastikan
☐ D kepastian

14. Pihak ahli jawatankuasa sedang melakukan _____ untuk sambutan Hari Kebangsaan.

☐ A menyiapkan
☐ B persiapan
☐ C disiapkan
☐ D bersiap

15. Aspek _____ akan menjadi topik perbincangan utama dalam forum perdana itu.

☐ A penduduk
☐ B menduduki
☐ C kedudukan
☐ D kependudukan

16. Adik demam kerana dia _____ ketika pulang dari kelas tambahan petang semalam.

☐ A dihujani
☐ B berhujan
☐ C kehujanan
☐ D menghujankan

17. _____ kereta mewah antarabangsa itu mendapat sambutan hangat walaupun tiket untuk menyaksikan pertunjukan tersebut mahal.

☐ A Petunjuk
☐ B Penunjuk
☐ C Menunjuk
☐ D Pertunjukan

18. Udara dan air merupakan sumber _____ bagi semua makhluk di muka bumi ini.

☐ A hidupan
☐ B kehidupan
☐ C penghidupan
☐ D menghidupkan

19. Bukti yang dikemukakan oleh saksi itu menimbulkan _____ pendakwa raya.

☐ A diragui
☐ B meragui
☐ C keraguan
☐ D meragukan

20. Faisal Tehrani telah berkecimpung dalam dunia _____ novel dan cerpen sejak di universiti lagi.

- ☐ A penulisan
- ☐ B menulis
- ☐ C tulisan
- ☐ D ditulis